



UNTUK SIARAN SEGERA

**MIDF KOMITED SEDIAKAN PLATFORM LONJAK POTENSI
PENGKARYA MUDA UiTM**

KUALA LUMPUR, 21 Mei 2018 – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) terus komited dalam usaha membangunkan sosio-ekonomi negara menerusi penganjuran Anugerah Seni MIDF untuk kali kedua, di mana 12 daripada 100 karya yang menampilkan kreativiti bakat muda Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Utama dan Anugerah Pilihan Juri di majlis yang berlangsung hari ini.

Pertandingan ini julung kalinya telah diadakan pada tahun 2017, sebagai inisiatif menjayakan objektif memorandum persefahaman (MoU) di antara MIDF dan UiTM. Anugerah Seni MIDF tahun lalu telah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada para siswa-siswi Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM. Bagaimanapun, menariknya pada tahun ini, Anugerah Seni MIDF 2018 di buka kepada para peserta yang datangnya dari fakulti – fakulti berasaskan kreativiti. Menerusi peluang penyertaan yang lebih luas, ia menandakan satu perkembangan positif dalam usaha MIDF untuk terus mengiktiraf bakat muda dan menghargai seni tempatan. Pertandingan ini yang sudah bermula sejak April 2018 kini memasuki fasa terakhir iaitu penyampaian anugerah yang berlangsung pada 21 Mei 2018.

Selaras dengan pembangunan negara, penganugerahan ini menterjemahkan kolaborasi strategik di antara sektor ekonomi dan sektor pendidikan. Peranan industri dan akademia dilihat mendorong usaha bagi melonjakkan industri kreatif negara. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Hj. Abdullah. Barisan juri bagi Anugerah Seni MIDF 2018 adalah dikalangan profesional yang berpengalaman dalam industri seperti Dr. Ruzaika Omar Basaree, Pensyarah Universiti Malaya, Encik Fairus Bin Zainal, Pengurus Kreatif Malaysia Design Development Centre (DDEC), Encik Suzlee Ibrahim @ Sulong, Dekan Fakulti Rekaan Komunikasi Visual ASWARA dan Pengarah Urusan Kumpulan MIDF

Berhad sendiri, Datuk Mohd. Najib Bin Hj. Abdullah selaku penaung Anugerah Seni MIDF 2018.

Pada tahun ini, lima buah karya telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Utama dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,500 setiap seorang. Ia menyaksikan peningkatan berbanding hadiah tunai yang ditawarkan pada tahun lepas. Pemenang-pemenang Anugerah Utama ialah Leonna Dail, Muhammad Hasbullah Bin Mohd Shuhari, Muhammad Akif Bin Muhammad Azmi, Annisa Binti Tajul Urus dan Amirul Ariffi Hamzah.

Sementara itu, jumlah hadiah wang tunai untuk Anugerah Pilihan Juri juga telah dinaikkan kepada RM750 setiap seorang berbanding RM500 pada tahun lepas. Anugerah Pilihan Juri ini dimenangi oleh Nur Sulaiha Suhaila Indra Gunawan, Nur Qamarina Binti Normi, Khairul Amri Bin Ibrahim, Noor Liyana Binti Mohd Fauzi, Nor Amira Syafiqah Binti Md Zahrin, Muhammad Azfar Naim Bin Nazly dan Noor Mursheeda Mahyuddin. Di samping itu, sebanyak 88 karya yang terpilih juga dipamerkan untuk jualan. Pembeli yang berminat boleh membeli secara terus semasa pameran tersebut diadakan. Kesemua karya ini akan didokumentasikan dalam penerbitan buku yang didaftarkan ISBN.

“Tanggungjawab sosial ialah satu nilai yang dikongsi bersama semua warga kerja MIDF. Penekanan kepada pembangunan masyarakat dan naik taraf kehidupan telah menjadi tumpuan usaha Tanggungjawab Sosial Korporat kami. Penyampaian anugerah ini merupakan saluran untuk para mahasiswa dari fakulti-fakulti UiTM tersebut untuk membina portfolio serta menimba pengalaman untuk kerjaya masa hadapan. Komitmen kami kepada program ini adalah untuk membangunkan generasi masa depan golongan muda Malaysia yang bukan sahaja berbakat dan cemerlang dari segi akademik tetapi juga seimbang dalam aspek budaya dan kerohanian.”

“Pihak MIDF berasa bangga kerana dapat memainkan peranan dalam perkembangan peribadi, akademik dan profesional para pelajar serta membawa perubahan dalam kehidupan mereka agar mereka mempunyai peluang untuk membina kehidupan yang lebih baik bagi diri sendiri, keluarga serta masyarakat,” ujar Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, Datuk Mohd. Najib Bin Hj. Abdullah.

Pihak MIDF mengorak langkah menjalinkan kerjasama dengan UiTM sebagai inisiatif syarikat dalam melahirkan generasi pelapis masa depan yang berkualiti bagi memastikan legasi kecemerlangan ini berterusan untuk masa akan datang.

###

Mengenai MIDF

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah ditubuhkan lima puluh lapan tahun yang lalu hasil daripada satu kajian oleh Bank Dunia. MIDF merupakan institusi kewangan pembangunan utama di negara ini bagi tujuan memangkinkan pembangunan dan pemodenan industri pembuatan negara.

Kumpulan MIDF telah berkembang menjadi entiti yang lebih kukuh dan lebih besar, menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan, Pengurusan Aset and Pembiayaan Mezanin.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad.

Mengenai Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengalami penumbuhan yang luar biasa sejak penubuhannya pada tahun 1956. Sebagai sebuah universiti awam yang terbesar di Malaysia dari segi saiz dan populasi, UiTM dikelilingi rangkaian luas dengan 17,792 warga kerja, serta seramai 146,403 orang siswa.

Universiti ini menawarkan sejumlah 508 program akademik di 35 buah kampus di seluruh Malaysia. Malah, UiTM komited dalam memberi askes pendidikan dan bersedia melengkap keperluan luas industri dan agensi awam.

Sebagai sebuah institusi pendidikan keusahawanan yang berinovatif, hubungan universiti ini dengan industri telah diperkayakan lagi dengan penyelidikan dan inovasi serta budaya keusahawanan.

Hari ini, UiTM mengorak langkah tangkas ke arah kemajuan hasil usaha dari kepimpinan pengasasnya yang kini diteruskan generasi pimpinan sekarang, UiTM meneroka dan menguasai pelbagai batasan ilmu dalam mencapai kejayaan gemilang yang berterusan di negara dan peringkat antarabangsa. Matlamat utamanya adalah melonjak UiTM di persada global dengan peningkatan QS Asia Rankings 2018 pada kedudukan 158 serta tercatat dalam universiti elit dunia selepas 13 subjek tersenarai dalam 2017 QS World University Rankings by Subjects dan bersaing di tangga ke-301 dari 500 universiti bagi Graduate Employability Ranking.

(Rujukan : Data laman web UiTM sehingga 16/05/2018)

Untuk maklumat lanjut mengenai profil dan info terkini UiTM, layari www.uitm.edu.my

###

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Irma Mahamad Tahir

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan
Tel: (03) 2173 8756
Faks: (03) 2173 8499
HP: (012) 492 3707
Emel: irmawati@midf.com.my

Mastura Md Mukhlas

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan
Tel: (03) 2772 1832
Faks: (03) 2173 8499
HP: (012) 2000 381
Emel: masturam@midf.com.my

Noorfazilah Rebatin

Eksekutif Komunikasi Korporat Kumpulan
Tel: (03) 2772 8742
Faks: (03) 2173 8499
HP: (017) 2300 943
Emel: noorfazilah@midf.com.my

Nurul Muzamel Rasidi

Kurator Kanan
GESTURZ
Universiti Teknologi MARA
Tel: (012) 942 9902
Emel: nurulmuzamel@salam.uitm.my

Berikut adalah keputusan akhir muktamad senarai pemenang.

Anugerah Utama :-

Bil	Nama Peserta	Tajuk Karya	Fakulti
1.	Leonna Dail	Peacock	Fakulti Pendidikan
2.	Muhammad Hasbullah Bin Mohd Shuhari	Perspective Of Life	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Puncak Alam
3.	Muhammad Akif Bin Muhammad Azmi	Duka Dara	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Shah Alam
4.	Annisa Binti Tajul Urus	Belayar Pergi	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Shah Alam
5.	Amirul Ariffi Hamzah	Ikan Emas	Fakulti Pendidikan

Anugerah Pilihan Juri :-

Bil	Nama Peserta	Tajuk Karya	Fakulti
1.	Nur Sulaiha Suhaila Indra Gunawan	Me-layu	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
2.	Nur Qamarina Binti Normi	Alam Mimpi	Fakulti Pendidikan
3.	Khairul Amri Bin Ibrahim	Orang Kanan Raja Rimba	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Shah Alam
4.	Noor Liyana Binti Mohd Fauzi	Enchanted	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Shah Alam
5.	Noor Mursheeda Mahyuddin	Hijau	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Puncak Alam
6.	Muhammad Azfar Naim Bin Nazly	Love Is Blind	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Puncak Alam
7.	Nor Amira Syafiqah Binti Md Zahrin	The Anger of Nature	Fakulti Pendidikan